

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

17. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah trafik dan parkir di Hospital Bukit Mertajam?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri berusaha mengatasi masalah lalu lintas dan parkir di Hospital Bukit Mertajam. Pada masa kini, antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Menyediakan tempat letak kenderaan sementara di Lorong Usahaniaga 1 (kawasan kuarters Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah); dan
- (b) Menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian seperti berikut:
 - (i) Perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) di kawasan Bukit Mertajam; dan
 - (ii) Perkhidmatan bas henti-henti khususnya Bas Rapid Penang di kawasan Bukit Mertajam.

Bagi perancangan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan-cadangan seperti berikut:

- (i) Menaik taraf Jalan Kampung Besar menjadi jalan tunggal dua hala berspesifikasi Jabatan Kerja Raya (JKR);

- (ii) Menaik taraf Jalan Kulim kepada empat (4) lorong;
- (iii) Membina jalan baru yang menghubungkan Jalan Murthy/Lorong Mertajam dengan Jalan Susur Jalan Sungai Rambai;
- (iv) Membina jalan baru yang menghubungkan Jalan Arumugan Pillai dengan Lorong Aston 2; dan
- (v) Menyediakan perkhidmatan monorel dari Raja Uda ke Bukit Mertajam seperti yang dicadangkan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Pihak pengurusan Hospital Bukit Mertajam telah cuba mengenal pasti pemilik tanah berhampiran hospital di mana tapak terlibat berpotensi untuk dijadikan parkir awam memandangkan tiada tanah milik Jabatan Kesihatan Negeri di kawasan berhampiran hospital. Pada masa ini, kawasan kuarters milik Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah dan kawasan parkir bekas rumah rehat yang berdekatan telah dibersihkan dan juga digunakan sebagai parkir tambahan.

Selain itu, terdapat satu (1) lot parkir awam berbayar yang mengenakan bayaran sebanyak RM2.00 di belakang kawasan hospital, mampu memuatkan hampir 200 buah kenderaan pada satu masa.